

KUALA LUMPUR, Rabu — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengarahkan semua penilai hartanah sama ada dari sektor swasta atau awam, supaya mengambil langkah segera mengatasi harga tanah yang tinggi di negara ini.

Menteri Penerangan, Datuk Rais Yatim, selaku jurucakap Kabinet berkata, Perdana Menteri membuat arahan itu dalam mesyuarat Kabinetnya di sini pagi ini.

Perdana Menteri memberitahu Kabinet, bahawa harga tanah dan rumah yang amat tinggi sekarang tidak selaras dengan kemampuan rakyat.

Contohnya, sebidang tanah getah di Batang Kali, Selangor yang berharga \$30,000 telah dinilai menjadi lebih \$90,000. Keadaan seperti ini menyebabkan nilai hartanah di negara ini tidak sejajar dengan nilai sandaran.

"Kerajaan mahu perkara ini disiasat dan diambil tindakan tegas supaya kepentingan rakyat terjamin dan dapat memiliki rumah sendiri, terutama rakyat berpendapatan rendah dan sederhana.

Siasat

"Pihak penilai bukan sahaja disalahkan dalam perkara ini, malah mereka juga bertanggungjawab mengatasinya kerana kerajaan percaya harga harta yang tinggi sekarang memberi kesan kepada negara.

"Kabinet juga dimaklumkan bahawa satu langkah segera yang membabitkan penilai di sektor awam dan swasta akan diambil supaya aliran yang tinggi itu dapat dikawal.

"Oleh itu, Kementerian Kewangan dan pihak penilai di seluruh negara mempunyai tanggungjawab memperbaiki keadaan ini dan Kabinet akan menunggu susulan ke atas arahan itu dibentangkan semula," katanya.

Datuk Rais memberitahu pemberita demikian selepas menemui wakil kelab-kelab Umno luar negeri di Kementerian Penerangan, di sini, hari ini.

Ditanya sama ada tindakan piket yang dilancarkan oleh Cuepacs se-

malam dibincangkan dalam Kabinet, beliau berkata, Kabinet cuma diberitahu bahawa hanya 1.2 peratus daripada keseluruhan kaki-tangan awam terbabit dalam piket.

Sehubungan itu, katanya, Kabinet tidak membuat sebarang rumusan mengenainya dalam mesyuarat hari ini.

Mengenai dakwaan serangan tentera Malaysia ke atas Filipina, Datuk Rais berkata: "Perkara itu tidak dibincangkan dalam Kabinet. Kerajaan masih menyalat dakwaan itu."